



Maulidur Rasul disambut meriah



Lebih 700 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai perarakaran sempena Sambutan Maulidur Rasul 1433H Peringkat Universiti pada 14 Februari 2012 yang lalu bagi meraikan keputeraan Baginda Rasulullah SAW anjuran Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).

Sebanyak 28 kontingen mewakili jabatan dan fakulti berkumpul di Kompleks Sukan UMP dan berarak sejauh 2 km menuju ke Masjid UMP sambil berselawat dengan rasa penuh kecintaan buat Junjungan Agung Nabi Muhammad S.A.W. Turut hadir memeriahkan acara perarakaran ialah kontingen kanak-kanak daripada Tadika Kemas Taman Agropolitan Lepar.

Sambutan yang bertemakan "Persefahaman Asas Perpaduan Ummah" itu diketuai Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim diiringi pengurusan tertinggi universiti iaitu Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yusserie

Zainuddin, Pendaftar, Haji Mustafa Ibrahim, Bendahari, Zainuddin Othman, Ketua Pustakawan, Haji Ruslan Che Pee dan Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Hasan Ahmad. Dalam ucapannya,

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir mengingatkan warga universiti mensyukuri nikmat keamanan dan kemerdekaan di Malaysia, tatkala saudara-saudara seagama di negara lain sedang diuji dengan ketidakstabilan ekonomi, sosial dan politik akibat peperangan, perpecahan, penindasan dan penganiayaan.

Menyingkap usia sedekad kewujudan UMP, beliau berkata, kelestarian ekosistem universiti amat bergantung kepada keupayaan warga universiti ini untuk mengangkat nilai persefahaman pada tahap yang sewajarnya bagi meraikan kepelbagaiannya yang ada di kampus ini.

"Dalam hubungan ini, kelima-lima Nilai Teras UMP iaitu Hubungan

yang Kuat Dengan Maha Pencipta, Teguh Dalam Mempertahankan Prinsip Yang Disepakati, Kreatif Dalam Membuat Keputusan Yang Bijaksana dan Cekal Menghadapi Cabaran sebenarnya mengangkat tema persefahaman.

"Umpamanya, kesusahan dan dugaan yang mencabar Baginda dalam peristiwa Hijrah dari kota Mekah ke Madinah merupakan isyarat bahawa proses transformasi dan migrasi yang berkesan dan bermakna menuntut pengorbanan yang tidak sedikit dan disiplin yang tinggi," katanya semasa merasmikan Sambutan Maulidur Rasul 1433H di Masjid UMP.

Tambah beliau, pengorbanan dan perjuangan warga UMP sepanjang migrasi universiti ini ke arah kegemilangan akan menjadi amat bermakna dengan adanya persefahaman untuk mengangkat agenda perdana universiti dan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Beliau turut merakamkan

penghargaan terima kasih kepada pihak Persatuan Wanita UMP (Matahari) yang telah menyumbangkan seekor lembu bagi melengkapkan juadah makan tengah hari sempena sambutan Maulidur Rasul pada kali ini dan kerjasama semua pihak yang menyediakan makanan secara bergotong-royong.

Dalam majlis yang sama Dato' Dr Daing Nasir turut menyampaikan hadiah dan sijil sempena pertandingan perbarisan dan sepanduk terbaik. Kategori pelajar dimenangi Fakulti Teknologi (FT) diikuti tempat kedua Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Eletronik (FKEE) serta di tempat ketiga kontinjen Tadika Kemas Taman Agropolitan Lepar. Manakala, kategori staf pula dimenangi Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA). Tempat kedua dimenangi Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) dan di tempat ketiga dimenangi oleh Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP).